

UMS antara lapan universiti antarabangsa bangun polisi 'Open Science Asia'

UB 27.03.2024 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan antara lapan universiti di peringkat antarabangsa yang terlibat dalam membangunkan polisi 'Open Science Asia' baru-baru ini.

Ini menerusi penyertaan sekumpulan penyelidik UMS diketuai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly dalam sebuah mesyuarat konsortium pertama bagi pembangunan polisi 'Open Science Asia' di Mandal's Narsee Monjee Institute of Management Studies (NMIMS) Mumbai, India.

Rosalam dalam satu kenyataan menjelaskan, projek itu merupakan kolaboratif antarabangsa di antara Malaysia, India, Netherlands, Finland serta Slovenia.

Ia dibiayai dana ERASMUS+ Kesatuan Eropah (European Union) berjumlah EUR 779,000.

"Objektif utama projek ini adalah untuk membangunkan

polisi dan dasar pelaksanaan Sains Terbuka bagi membolehkan perkongsian pengetahuan hasil penyelidikan dan inovasi di peringkat global.

"Open Science ini selaras lima fokus utama Kementerian Pendidikan Tinggi dalam pengukuhanekosistem penyelidikan dan inovasi

"Ia juga sejajar matlamat UMS untuk memacu keterampilan penyelidikan universiti di persada antarabangsa," katanya.

Beliau berkata aspek utama yang ditekankan adalah dalam pembangunan polisi pelaksanaan Open Science dan penyediaan infostruktur serta infrastruktur.

Ia bagi membolehkan akses kepada penyelidik dalam perkongsian maklumat secara beretika terutamanya dari sudut perkongsian dan penggunaan data penyelidikan.

"Inidijangka dapat memacu proses penghasilan teknologi dan inovasi baharu dalam penyelesaian masalah.



SIDANG: UMS antara peserta mesyuarat konsortium pertama bagi pembangunan polisi 'Open Science Asia'.

"Sebagai contoh, pembangunan vaksin yang sebelum ini mengambil masa bertahun lamanya kini dapat dihasilkan dalam tempoh singkat, sebagaimana dilaksanakan untuk pembangunan vaksin COVID-19," katanya.

Dalam pertemuan konsortium itu, turut berlangsung

satu forum sebagai langkah pendedahan kepada komuniti berkenaan Open Science menerusi perkongsian daripada beberapa pakar dan industri dalam bidang berkenaan.

Ini termasuklah ucaptama oleh Emeritus Prof Dr Man Mohan Sharma dari Institute

of Chemical Technology India, dan Ketua Pegawai Digital UMS, Profesor Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Fatimah Ahmedy yang merupakan penyelaras pelaksanaan projek dari UMS turut hadir.